

13 NOV 2000

Sukan-Hishamuddin (Asia)

KUALA LUMPUR MASIH TERCARI-CARI KELEMAHAN

SEPANG, 13 Nov (Bernama) -- Kuala Lumpur masih bagaikan tidak percaya kegagalan mereka mendapatkan hak menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 di Pusan semalam setelah memberikan persembahan dan penawaran yang dianggap terbaik di kalangan empat bandar raya yang bertanding.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata beliau masih berpegang kepada fakta bahawa tawaran Kuala Lumpur merupakan tawaran yang terbaik.

"Saya agak sedih dan begitu kecewa sangat kerana sampai hari ini saya masih lagi berpegang kepada hakikat bahawa daripada segi fakta penawaran, kemudahan, semangat dan komitmen kita telah lakukan yang terbaik," katanya kepada pemberita sekembalinya dari Seoul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Hishammuddin yang juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penawaran Kuala Lumpur Sukan Asia 2006 berkata beliau masih tertanya-tanya di mana kelemahan penawaran itu dan bersedia menerima pandangan mana-mana pihak yang mahu menunjukkan kelemahan mereka.

Di Pusan, Korea Selatan semalam, ibu negara Qatar, Doha memenangi hak penganjuran Sukan Asia edisi ke-15 pada 2006 setelah mendapat 22 undi berbanding 13 bagi Kuala Lumpur dan enam buat Hong Kong. Pada pusingan pertama undian, Doha mendapat 20 undi manakala Kuala Lumpur 13, Hong Kong enam dan New Delhi dua.

"Walau bagaimanapun keputusan telah dibuat dan kita harus terima dengan hati terbuka. Tidak ada prosedur atau kaedah lain untuk kita mempertikaikannya sekarang," katanya.

Bagaimanapun, Hishammuddin berkata pihaknya tidak akan mengkaji semula kelemahan dokumen penawaran itu kerana menganggap ia adalah yang terbaik pernah dibentangkan oleh mana-mana bandar raya.

"Kebelakangan ini iaitu beberapa bulan sebelum ini tumpuan saya banyak diberikan terhadap tawaran kita untuk Sukan Asia dan saya rasa tak perlu kita buat kajian kerana saya sendiri terlibat secara langsung.

"Kalau kita diberikan ruang sekali lagi untuk menawarkan diri saya rasa kita tidak akan ubah apa yang termaktub di dalam dokumen-dokumen tawaran kita. Kita tidak akan ubah persembahan di Pusan dan tidak akan lakukan apa yang lain daripada apa yang kita beri dan tawarkan kepada Majlis Olimpik Asia (OCA) di Pusan," katanya.

Beliau berkata, jika apa yang ditawarkan oleh Kuala Lumpur tidak mencukupi, OCA sendiri yang sebenarnya rugi dan menganggap penolakan tawaran itu sebagai ujian buat negara membuktikan diri pada kejohanan lain pada masa depan.

Menurut Hishammuddin, sebelum berlepas ke Pusan, beliau telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan perkara-perkara yang mungkin membimbangkan semasa pengundian itu.

"Saya akan bawa ke Kabinet dan maklumkan kepada Perdana Menteri. Saya lihat sokongan pucuk pimpinan begitu membanggakan dan saya turut kecewa dan sedih dengan keputusan yang telah dibuat," katanya.

Hishammuddin berkata temasya Sukan SEA yang akan dianjurkan oleh Kuala Lumpur tahun depan akan menjadi medan membuktikan kebolehan negara kepada anggota-anggota OCA.

Ketika ditanya sama ada Kuala Lumpur masih berminat untuk membuat penawaran pada masa depan termasuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2010, beliau membayangkan kemungkinan tidak.

"Kalau ini caranya, saya kena fikir bukan sekali dua tapi sepuluh kali," katanya.

-- BERNAMA

HRS HRS RHM